



---

**GARIS PANDUAN PROJEK  
PEMBERIAN INSENTIF MESIN  
AUTOMASI KEPADA PESERTA/  
BELIA BIMBINGAN WISDEC  
(INKUBATOR/ *WORLDSKILLS*  
*TECHNOPRENEUR*)  
(PIMA)**

---

**Disediakan oleh:**

**Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu  
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA**

**APRIL 2025**

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan bagi menjelaskan syarat – syarat dan kriteria kelayakan permohonan bagi Projek Pemberian Insentif Mesin Automasi Kepada Peserta/ Belia Bimbingan WISDEC (Inkubator/ *WorldSkills Technopreneur*) (PIMA).
- 1.2 Tujuan program ini dilaksanakan adalah bagi menyediakan pembiayaan secara insentif untuk perolehan mesin kerja kayu kepada belia bimbingan WISDEC yang pada masa kini sedang mengusahakan perniagaan di dalam bidang produk perkayuan dan seterusnya bagi mencapai objektif seperti berikut:-
- a. Meningkatkan tahap keupayaan pengeluaran usahawan belia dari segi kadar pengeluaran, tahap produktiviti dan kualiti produk yang dihasilkan;
  - b. Meningkatkan tahap daya saing usahawan belia dalam sektor pembuatan produk berasaskan kayu; dan
  - c. Memastikan usahawan belia dapat menembusi pasaran terbuka tanpa menghadapi kekangan dari segi proses pengeluaran.

## 2. PELAKSANAAN PROGRAM

- 2.1 PIMA dilaksanakan melalui pemberian insentif pemberian penuh. MTIB akan membiayai keseluruhan kos mesin bagi setiap permohonan pada kadar sepertimana Jadual 1 berikut:-

**Jadual 1 : Had Pemberian Insentif**

| Bil. | Saiz Perusahaan                             | Had Pemberian Insentif Oleh MTIB | Wang Komitmen Oleh Usahawan Belia |
|------|---------------------------------------------|----------------------------------|-----------------------------------|
| 1.   | Jualan Tahunan kurang daripada RM 100 ribu. | RM60,000.00                      | 2%<br>(max;RM1,200)               |
| 2.   | Jualan Tahunan RM100 ribu dan ke atas.      | RM300,00.00                      | 2%<br>(max; RM6,000.00)           |

- 2.2 Had pemberian insentif MTIB adalah sepertimana di Jadual 1, tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM 60,000.00 sahaja bagi kategori 1 dan RM300,000.00 bagi kategori 2 atau yang mana lebih rendah bagi setiap permohonan.
- 2.3 MTIB berhak meminda mana-mana syarat dan kriteria dalam garis panduan ini mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

- 2.4 Mesin yang dibiayai di bawah insentif ini adalah menjadi hak milik peserta. Peserta perlu memastikan mesin yang diperolehi dijaga dan diselenggara dengan baik dan membenarkan MTIB melakukan pemantauan berkala ke atas premis peserta bagi melihat keadaan mesin yang dibekalkan.
- 2.5 Peserta tidak dibenarkan menjual mesin yang diperolehi di bawah program ini dalam tempoh 2 tahun selepas penerimaan dan laporan prestasi perniagaan peserta perlu dilaporkan kepada MTIB setiap tahun bagi tempoh 2 tahun dari tarikh pemeriksaan mesin.

### **3. PERMOHONAN PROGRAM**

#### **3.1 Syarat Permohonan**

##### **3.1.1 Pemohon program hendaklah:-**

- i. Pemilik syarikat mempunyai rekod sebagai bekas belia bimbingan WISDEC iaitu:-
  - a) Pernah menyertai pertandingan kemahiran kayu di bawah seliaan WISDEC (*WSMB/ ASC/ WorldSkills*); atau
  - b) Bekas peserta inkubator WISDEC; atau
  - c) Bekas pelatih program latihan belia WISDEC.
- ii. Merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] atau sebuah perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta197*] iaitu Akta Syarikat bagi Semenanjung atau Sabah atau Sarawak:
  - a) Perniagaan Tunggal atau Perniagaan Perkongsian (Enterprise)
    - i. Telah beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang pengeluaran produk berasaskan kayu;
    - ii. Syarikat tidak digulungan atau dalam proses penggulungan / perniagaan masih wujud dan semua pengarahnya / pemilik bukanlah seorang yang bankrap atau dalam proses kebangkrutan;
    - iii. Beroperasi secara sah dengan mempunyai lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan beroperasi di premis yang dibenarkan (sah);

- iv. Mempunyai Premis (hak milik sendiri atau disewa) dengan keluasan yang bersesuaian dengan saiz mesin dipohon;
- v. Syarikat bersaiz Kategori 1 (Jualan Tahunan Kurang daripada RM100 ribu) atau Kategori 2 (Jualan Tahunan RM100 ribu dan ke atas); dan
- vi. Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan syarikat pembekal yang dipilih.

### **3.2 Dokumen permohonan**

3.2.1 Pemohon perlu memajukan dokumen – dokumen berikut:-

- i. Borang Permohonan PIMA yang lengkap boleh diperolehi di:-
  - a) Laman sesawang MTIB di <https://www.mtib.gov.my>
  - b) Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) Selangor;
  - c) Edaran semasa taklimat program; atau
  - d) Pejabat MTIB Wilayah / Negeri
- ii. Salinan kad pengenalan pemilik perniagaan dan rakan kongsi (perniagaan milikan tunggal / perkongsian);
- iii. Salinan carian Status Penggulangan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvensi Malaysia;
- iv. Salinan Perakuan Pemerbadanan Syarikat (Borang 9) atau Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Borang D) dan Perakuan Pembaharuan Perniagaan (Borang E) pemohon. Pemohon juga boleh memajukan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem *SSM e-info* Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- v. Salinan Perakuan Pemerbadanan Syarikat (Borang 9) atau Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Borang D) dan Perakuan Pembaharuan Perniagaan (Borang E) syarikat pembekal. Pemohon juga boleh memajukan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem *SSM e-info* Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- vi. Salinan Geran Tanah (Milik Sendiri) / Dokumen Perjanjian Penyewaan;

- vii. Salinan Akaun Pengurusan yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat atau Akauntan bertauliah (jika ada);
- viii. Salinan Penyata Bank Syarikat / Perniagaan bagi 3 bulan terkini yang disahkan oleh pegawai bank bagi setiap bulan;
- ix. Salinan Penyata Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja;
- x. Pelan Perniagaan Syarikat (3 tahun);
- xi. Maklumat Mesin yang diperlukan / Katalog;
- xii. Sebut harga Mesin daripada pembekal;
- xiii. Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat (bagi syarikat Sdn. Bhd. atau perniagaan perkongsian jika berkaitan); dan
- xiv. Salinan Keputusan SCORE / MSCORE samada oleh MTIB / SME Corp (sekiranya ada).

3.2.2 Pemohon / Syarikat Pembekal adalah dilarang daripada menyiarkan Borang Permohonan PIMA dalam sebarang media cetak atau eletronik tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada MTIB.

3.2.3 Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada MTIB di alamat:-

**KETUA PENGARAH**

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (**MTIB**)  
Tingkat 13-17 Menara PGRM,  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,  
56100 Kuala Lumpur.

u.p: Unit Kejuruteraan dan Bengkel,  
Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC)

### **3.3 Kelulusan permohonan**

3.3.1 Permohonan yang diterima akan disemak, diteliti, disyor dan dipertimbangkan bagi tujuan kelulusan melalui jawatankuasa yang berkaitan.

- 3.3.2 Pemohon hendaklah sentiasa bersedia untuk hadir ke Sesi Pembentangan Pelan Perniagaan Syarikat bagi tujuan penjelasan lanjut berkaitan permohonan yang dikemukakan.
- 3.3.3 MTIB akan mengemukakan Surat Kelulusan kepada pemohon yang berjaya. Sebarang keputusan yang dibuat oleh MTIB adalah **MUKTAMAD**. Pemohon perlu mengembalikan **Surat Penerimaan Tawaran** kepada MTIB dalam **tempoh 14** hari bekerja daripada tarikh Surat Kelulusan.
- 3.3.4 Bagi permohonan yang berjaya, wang komitmen sebanyak 2% mengikut had pemberian insentif akan dikenakan kepada pemohon bagi urusan pentadbiran dan tidak akan dipulangkan sekiranya pemohon menarik diri atau gagal mematuhi syarat pembiayaan yang telah ditetapkan.
- 3.3.5 Wang komitmen hendaklah dibayar secara pemindahan dana elektronik (*Electronic Fund Transfer*) dalam **tempoh 14** hari bekerja daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan oleh MTIB atau sebelum perolehan mesin dibuat oleh Usahawan yang mana lebih awal;
- 3.3.6 Perolehan mesin hendaklah dilakukan oleh pemohon yang berjaya dalam tempoh ENAM (6) bulan daripada tarikh **KELULUSAN** atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh MTIB.
- 3.3.7 Kelulusan perolehan akan terbatal dengan sendirinya jika perenggan **3.3.6** diatas tidak dipatuhi oleh pemohon dan permohonan baru perlu dikemukakan semula.
- 3.3.8 MTIB berhak untuk menarik balik / membatalkan permohonan pemohon sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat palsu dan meragukan serta mempunyai kepentingan dengan pihak syarikat pembekal.
- 3.3.9 Sekiranya pihak syarikat tidak menerima apa-apa maklumbalas/jawapan dalam **tempoh 6 bulan daripada tarikh permohonan**. Permohonan tersebut telah dianggap **tidak berjaya** atau **tidak diluluskan oleh MTIB**.

#### 4. DOKUMEN PERJANJIAN PROGRAM

- 4.1 Satu perjanjian akan ditandatangani di antara pemohon dan MTIB setelah MTIB menerima **Surat Penerimaan Tawaran** daripada Pemohon.
- 4.2 Perjanjian berkaitan perlu dikembalikan kepada MTIB dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh dokumen tersebut dimajukan kepada Pemohon.
- 4.3 Sebarang kos dan duti setem akan **ditanggung sepenuhnya** oleh Pemohon.

- 4.4 Tiada perolehan mesin yang diluluskan oleh MTIB boleh dibuat sehingga perjanjian telah lengkap ditandatangani terlebih dahulu.

## 5. KAEDAH PEMBERIAN INSENTIF

- 5.1 Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon mesin kerja kayu termasuk aksesori, peralatan dan perisian dan permohonan perlu disertakan dengan **SEKURANG-KURANGNYA SATU (1) SEBUT HARGA MESIN** daripada pembekal yang dipilih sendiri oleh Pemohon.
- 5.2 Sebarang pelanjutan tempoh masa, pertukaran mesin serta pertambahan kos atau harga (*Variation of Price*) selepas permohonan diluluskan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- 5.3 Terdapat dua (2) kaedah pemberian insentif di bawah program ini iaitu:-

### 5.3.1 '**Reimbursement**':-

- a. Pemohon perlu membuat pembayaran sepenuhnya terlebih dahulu kepada syarikat pembekal sebelum membuat tuntutan kepada MTIB selepas permohonan **DILULUSKAN** oleh MTIB.
- b. Pembayaran kepada pembekal hendaklah dilakukan menerusi akaun syarikat **DAN** tidak dibenarkan melalui akaun persendirian atau pihak ketiga.
- c. Pemohon perlu memajukan **Lampiran I** - Surat Pengesahan Penerimaan Mesin Kerja Kayu Dan Pembayaran Kepada Pembekal (*Reimbursement*) dan **Lampiran II** - Surat Pengesahan Penghantaran Mesin Kerja Kayu Kepada Syarikat (*Reimbursement*) bagi penerimaan bayaran dengan syarat mesin telah dihantar kepada pemohon dan pembekal telah menerima sepenuhnya bayaran daripada pemohon.
- d. Salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*) dan invois (*invoice*) pembekalan Mesin yang telah **disahkan oleh Pemohon** perlu dimajukan kepada MTIB bagi tujuan pembuktian.
- e. MTIB akan melaksanakan pembayaran mengikut nilai pembiayaan, tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM 60,000.00 sahaja bagi kategori 1 dan RM300,000.00 bagi kategori 2 atau yang mana lebih rendah bagi setiap permohonan, yang diluluskan selepas kesemua terma dan syarat dipatuhi serta semakan di lapangan telah dibuat oleh MTIB.

### 5.3.2 Pembayaran terus kepada pembekal:-

- a. Pemohon perlu memajukan **Lampiran III** - Surat Pengesahan Penerimaan Mesin Kerja Kayu Dan Pembayaran Kepada Pembekal (Pembayaran Terus Kepada Pembekal) dan **Lampiran IV** - Surat Pengesahan Penghantaran Mesin Kerja Kayu Bagi Tujuan Pembayaran Kepada Pembekal (Pembayaran Terus Kepada Pembekal) bagi pembayaran penuh dengan syarat mesin telah dihantar kepada syarikat pemohon.
  - b. Salinan asal penghantaran pesanan (*delivery order*) dan invois (*invoice*) pembekalan Mesin yang telah **disahkan oleh Pemohon** perlu dimajukan kepada MTIB bagi tujuan pembuktian.
  - c. MTIB akan melaksanakan pembayaran nilai perolehan yang telah diluluskan secara terus kepada syarikat Pembekal selepas kesemua terma dan syarat dipatuhi serta semakan dilapangan telah dibuat oleh MTIB.
  - d. Sekiranya ada deposit yang didahulukan oleh Usahawan kepada Pembekal, MTIB akan membuat pembayaran penggantian kepada Usahawan berdasarkan salinan resit pembayaran dan sebarang perubahan harga perlu ditanggung oleh usahawan.
- 5.4 MTIB berhak melakukan pemeriksaan pada **bila – bila masa** di premis pemohon di mana mesin ditempatkan.
- 5.5 Pemohon hendaklah memastikan semua pembelian dan pembayaran dibuat atas nama syarikat pembekal yang telah **DILULUSKAN MTIB SAHAJA**. Sebarang transaksi yang melibatkan (daripada atau kepada) individu, anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat induk boleh mengakibatkan kelulusan dibatalkan.
- 5.6 Pembekal yang dipilih oleh pemohon tidak boleh mempunyai sebarang kepentingan (*conflict of interest*) dengan pemohon. Contoh : sebarang hubungan kekeluargaan, agen, duta, wakil jualan dan / atau pekerja syarikat / Ahli Lembaga Pengarah syarikat atau lain-lain hubungan yang mengaitkan pemohon dengan pihak pembekal.
- 5.7 Sebarang isu yang timbul di antara pemohon dengan Pembekal atau mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan perolehan mesin yang telah diluluskan adalah di luar tanggungjawab MTIB.

## 6. TANGGUNGJAWAB USAHAWAN

### 6.1 Usahawan bertanggungjawab untuk:-

- a) Memastikan perolehan Mesin dilaksanakan berdasarkan kelulusan yang diberikan;



- b) Menanggung segala kos melibatkan kerja – kerja penyediaan tapak, penghantaran, penyelenggaraan, penggantian, pembaikan kerosakan dan insurans Mesin;
- c) Memajukan salinan sijil insurans mesin yang diperoleh kepada pihak MTIB;
- d) Memastikan Mesin sentiasa berada dalam keadaan baik untuk beroperasi, selamat dan diselenggara secara berkala;
- e) Memastikan Mesin tidak dialihkan ke lokasi lain tanpa pengetahuan MTIB;
- f) Memastikan Mesin tidak disewa, diberi pinjam, dijual atau menyerahkan penggunaan Mesin kepada pihak ketiga sepanjang tempoh perjanjian program berkuatkuasa atau 2 tahun dari tarikh penerimaan mesin;
- g) Memastikan Mesin digunakan pada tahap yang optimum; dan
- h) Memastikan segala keperluan maklumat yang dituntut MTIB dipenuhi dari semasa ke semasa antaranya adalah laporan penyata kewangan tahunan yang telah disahkan oleh akauntan bertauliah. MTIB juga berhak untuk mendapatkan sebarang maklumat lain yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
- i) Tanggungjawab usahawan terhadap keselamatan bengkel dan pekerja

6.2 Kegagalan usahawan memenuhi tanggungjawab seperti para 6.1 boleh menyebabkan tindakan perundangan diambil oleh MTIB termasuk perlu membayar ganti rugi kos yang telah dikeluarkan oleh MTIB kepada usahawan dalam program ini.

**SILA GUNAKAN 'LETTER HEAD'  
SYARIKAT**

**KETUA PENGARAH**

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia  
Tingkat 13-17 Menara PGRM,  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,  
56100 Kuala Lumpur.

**u.p : Unit Kejuruteraan dan Bengkel,  
Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC)**

Tuan,

**PENGESAHAN PENERIMAAN MESIN KERJA KAYU DAN PEMBAYARAN KEPADA  
PEMBEKAL (REIMBURSEMENT)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah saya, ..... (jawatan dalam syarikat  
..... / pemilik perniagaan ), No. KP : .....  
dari syarikat ..... (No. Pendaftaran Syarikat /  
Perniagaan ..... ) mengesahkan seperti berikut:

2.1 telah menerima mesin ..... seperti mana invoice  
pembekalan mesin bernombor ..... bertarih  
.....; dan

2.2 telah membuat bayaran berjumlah RM..... (Ringgit  
Malaysia :.....) secara  
pindahan atas talian (*online transfer*) / cek bernombor .....  
kepada pembekal ..... dan berpuas hati  
dengan mesin yang diterima.

3. Sehubungan itu, adalah dipohon kerjasama MTIB untuk membuat  
"Reimbursement" sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia  
:.....) kepada syarikat

saya. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

- a. Nama Syarikat &  
No. Pendaftaran Syarikat :
- b. No. Akaun Syarikat :
- c. Nama Bank Syarikat :
- d. Nama pegawai untuk dihubungi :
- e. Alamat e-mel dan no. telefon :

4. Bersama-sama ini disertakan salinan muka hadapan Penyata Bank syarikat / perniagaan saya untuk tujuan pengesahan dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
Nama :.....  
Jawatan :.....  
Tarikh :.....

| Cap Rasmi Syarikat / Perniagaan |
|---------------------------------|
|                                 |

**SILA GUNAKAN 'LETTER HEAD'  
SYARIKAT**

**KETUA PENGARAH**

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia  
Tingkat 13-17 Menara PGRM,  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,  
56100 Kuala Lumpur.

**u.p : Unit Kejuruteraan dan Bengkel,  
Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC)**

Tuan,

**PENGESAHAN PENGHANTARAN MESIN KERJA KAYU KEPADA SYARIKAT  
(REIMBURSEMENT)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah saya, ..... (jawatan dalam syarikat  
..... / pemilik perniagaan ), No. KP : .....  
dari syarikat ..... (No. Pendaftaran Syarikat /  
Perniagaan ..... ) yang beroperasi di premis beralamat  
.....  
.....

mengesahkan seperti berikut:

2.1 telah membekalkan mesin kerja kayu .....  
serta kelengkapan sepertimana invoice bernombor  
.....bertarikh .....; dan

2.1 telah menerima bayaran penuh berjumlah RM .....  
(Ringgit Malaysia :.....)  
daripada syarikat ..... secara pindahan  
dalam talian (*online transfer*) / cek bernombor  
.....; dan

3. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai syarikat kami seperti berikut:

- a. Nama pegawai untuk dihubungi :
- b. Jawatan :
- c. No. telefon :
- d. Emel :

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

| Cap Rasmi Syarikat / Perniagaan |
|---------------------------------|
|                                 |

**SILA GUNAKAN 'LETTER HEAD'  
SYARIKAT**

**KETUA PENGARAH**

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia  
Tingkat 13-17 Menara PGRM,  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,  
56100 Kuala Lumpur.

**u.p : Unit Kejuruteraan dan Bengkel,  
Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC)**

Tuan,

**PENGESAHAN PENERIMAAN MESIN KERJA KAYU DAN PEMBAYARAN KEPADA  
PEMBEKAL (PEMBAYARAN TERUS KEPADA PEMBEKAL)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah saya, ..... (jawatan dalam syarikat  
..... / pemilik perniagaan ), No. KP : .....  
dari syarikat ..... (No. Pendaftaran Syarikat /  
Perniagaan ..... ) mengesahkan seperti berikut:

2.1 telah menerima mesin ..... seperti mana invoice  
pembekalan mesin bernombor .....bertarikh  
.....; dan

2.2 telah membuat bayaran berjumlah RM..... (Ringgit  
Malaysia :.....)  
secara pindahan atas talian (online transfer) / cek bernombor  
..... kepada pembekal .....  
dan berpuas hati dengan mesin yang diterima.

3. Sehubungan itu, adalah dipohon kerjasama MTIB untuk membuat baki  
pembayaran sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia  
:.....) kepada pembekal.

Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

- a. Nama Syarikat Pembekal &  
No. Pendaftaran Syarikat :
- b. No. Akaun Pembekal :
- c. Nama Bank Pembekal :
- d. Nama pegawai untuk dihubungi :
- e. Alamat emel dan no. telefon :

4. Bersama-sama ini disertakan salinan muka hadapan Penyata Bank pihak syarikat pembekal tersebut untuk tujuan pengesahan dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
Nama :.....  
Jawatan :.....  
Tarikh :.....

| Cap Rasmi Syarikat / Perniagaan          |
|------------------------------------------|
| <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br> |

**SILA GUNAKAN 'LETTER HEAD'  
SYARIKAT**

**KETUA PENGARAH**

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia  
Tingkat 13-17 Menara PGRM,  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,  
56100 Kuala Lumpur.

**u.p : Unit Kejuruteraan dan Bengkel,  
Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC)**

Tuan,

**PENGESAHAN PENGHANTARAN BEKALAN BAGI TUJUAN PEMBAYARAN  
KEPADA PEMBEKAL (PEMBAYARAN TERUS KEPADA PEMBEKAL)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah saya, ..... (jawatan dalam syarikat  
..... / pemilik perniagaan ), No. KP : .....  
dari syarikat ..... (No. Pendaftaran Syarikat /  
Perniagaan ..... ) yang beroperasi di premis beralamat  
.....  
.....

mengesahkan seperti berikut:

2.1 telah membekalkan mesin kerja kayu .....  
serta kelengkapan sepertimana invois bernombor  
.....bertarikh .....; dan

2.2 telah menerima sebahagian bayaran berjumlah RM .....  
(Ringgit ..... Malaysia  
:.....) daripada  
syarikat ..... secara pindahan dalam  
talian (*online transfer*)/ cek bernombor .....; dan



2.3 bersetuju untuk menerima baki pembayaran daripada MTIB.

4. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai syarikat kami seperti berikut:

- e. Nama pegawai untuk dihubungi :
- f. Jawatan :
- g. No. telefon :
- h. Emel :

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

|                                          |
|------------------------------------------|
| <b>Cap Rasmi Syarikat / Perniagaan</b>   |
| <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br> |